

Tak senang nak tidur

Rantau Panjang: Sejak air naik Jumaat lalu, penduduk kampung berdekatan Sungai Golok, di sini, tidak dapat meletakkan mata kerana bimbang musibah besar seperti tahun lalu kembali berulang.

Mereka kini berjaga-jaga ekoran air Sungai Golok terus meningkat ke paras bahaya hingga menyebabkan halaman rumah penduduk dinaiki air.

Penduduk Kampung Lubok Gong, Yasmin Hassan, 55, berkata, mereka sekeluarga sedia berpindah jika paras air terus meningkat dan naik ke atas rumahnya demi keselamatan diri serta keluarga.

Menurutnya, air di halaman rumahnya naik mendadak sejak kelmarin iaitu sedalam 0.5 meter kerana air Sungai Golok melimpah dengan begitu cepat hanya dalam beberapa jam saja.

"Saya lihat air sungai yang terletak 10 meter dari kediaman melimpah menyebabkan air memenuhi halaman rumah.

"la memberi amaran kepada kami yang tinggal berdekatan sungai ini supaya sentiasa

berjaga-jaga. Namun, saya harap paras air akan surut dalam masa terdekat," katanya ketika ditemui selepas tinjauan banjir oleh pegawai dan anggota Bomba dan Penyelamat yang bertugas di beberapa kampung berdekatan.

Bomba turut memberikan nasihat kepada penduduk kampung supaya menjaga keselamatan diri dan keluarga serta mengawal anak-anak mereka daripada bermain air banjir.

Pada masa sama, petugas media juga diberi peluang bersama bomba membuat pemantauan dari rumah ke rumah penduduk dengan menaiki bot.

